

26/10/1999

Gus Dur tidak pernah restui Keadilan

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Isnin - Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur tidak pernah merestui perjuangan parti Keadilan pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Malah, Ketua Umum Parti Kebangkitan Bangsa (PKB), Matori Abdul Jalil berkata, Gus Dur yang juga pengasas PKB tidak pernah menemui Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor.

"Setahu saya, Gus Dur tidak pernah menemui Ezam di Indonesia. Oleh itu, bagaimana beliau (Ezam) boleh mengatakan pemimpin kami menyokong Keadilan," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan kononnya Ezam menemui Gus Dur sewaktu berada di negara itu tahun lalu.

Ezam ketika berceramah di Bukit Mertajam beberapa hari lalu mendakwa perjuangan Keadilan mendapat restu Gus Dur.

Pemimpin baru Indonesia itu didakwa memberi restu berkenaan ketika Ezam melarikan diri ke republik itu selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dan ditahan.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mempersoalkan dakwaan Ezam yang disifatkan sebagai cubaan untuk menutup kelemahan pemimpin tertentu yang diperjuangkan Keadilan.

Matori menegaskan Gus Dur tidak pernah mencampuri urusan negara lain termasuk Malaysia.

"Sokongan yang didakwa Ezam itu hanya rekaan semata-mata," katanya.

Beliau kesal kerana Ezam cuba mengaitkan Gus Dur dengan perjuangan Keadilan dalam usaha mencari simpati rakyat Malaysia menjelang pilihan raya umum.

"Ezam tidak akan mengaitkan Gus Dur jika Pengerusi Nahdatul Ulama itu gagal menjadi presiden Indonesia. Kenyataan itu menjejaskan nama baik Gus Dur," katanya.

Matori berkata, beberapa hari selepas dipilih sebagai Presiden, Gus Dur menyatakan hasratnya untuk mengunjungi negara Asean termasuk Malaysia.

Gus Dur menyatakan hasratnya itu ketika dikunjungi Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa di Istana Merdeka.

"Jika beliau menyokong perjuangan Keadilan sudah pasti beliau enggan berkunjung ke Malaysia menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)